

Newspaper	Berita Minggu
Date	13/5/2013

2 | rona AHAD, 13 MEI 2012

rencana



Oleh Rohaniza Idris  
roha@bharuan.com.my

**H**ARI ini 13 Mei - tarikh yang sangat sinonim dalam sejarah negara. Pada tarikh ini kira-kira 43 tahun lalu, berlaku peristiwa berdarah yang tidak mungkin dilupakan oleh seluruh rakyat terutama mereka yang mengalami sendiri peristiwa berdarah itu.

Lebih menyayat hati, ada antara mereka yang menyaksikan sendiri pertumpahan darah gara-gara perbalahan antara kaum itu, hilang keluarga dan tempat bergantung akibat tragedi itu.

Bagi generasi baru, tarikh itu mungkin tidak meninggalkan kesan. Mereka tidak mungkin merasai pahitnya perasaan kehilangan, pedihnya maruah dipermainkan apatah lagi berasa gerun kerana nyawa berada di hujung tanduk.

Jika diimbang semula peristiwa berdarah itu, banyak kesan yang boleh dilihat sama ada secara langsung ketika itu mahupun kesan jangka panjang atau impak positif serta pengajaran yang boleh diambil dari 13 Mei 1969.

Kesan langsung sudah tentulah huru-hara, kebakaran, kematian, kecederaan dialami mereka yang terbit dengan peristiwa itu yang menyaksikan angka kematian direkodkan seramai 196 orang dengan 439 orang lagi cedera, 39 orang hilang dan 9,143 individu ditahan. Pihak berkuasa juga merekodkan sebanyak 211 kenderaan musnah pada kejadian itu.

Namun, ada pihak mendakwa statistik itu tidak begitu tepat kerana orang ramai yang men-

# DETIK PENTING

Jadikan 13 Mei 1969 pengajaran elak ketegangan kaum jejas perpaduan negara

jadi saksi kejadian menyatakan jumlahnya lebih ramai berdasar-kan deretan lori membawa mayat yang tidak sempurna menuju ke beberapa balai polis sekitar ibu negara.

Kejadian itu juga menyebabkan pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong yang dibuat pada malam 16 Mei. Dengan pengisytiharan itu, Perlembagaan Persekutuan digantung. Negara diperintah secara terus oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah undang-undang tentera.

Darurat menjadikan ibu kota Kuala Lumpur seperti kota lama ditinggalkan, bergelap serta seakan berkabung atas kehilangan nyawa yang begitu banyak dalam satu masa.

Dalam masa yang sama ditubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusi-kan Tun Abdul Razak dan dianggotai beberapa pemimpin kanan

negara. Malah pentadbiran negara dikendalikan hasil perkongsian kuasa tentera, polis, awam dan ahli politik. Berikutan itu, Parlimen juga digantung.

Sepanjang tempoh darurat, MAGERAN melakukan pelbagai tindakan untuk mencari punca dan penyelesaian supaya tragedi seumpama itu tidak berulang.

Antara tindakan yang diambil ialah membentuk satu Rukun Negara bagi meningkatkan kefahaman rakyat mengenai Perlembagaan Negara. Turut dilakukan ialah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengena-kan kaum dengan aktiviti ekonomi atau pekerjaan dan membasmi kemiskinan tegar serta pembangunan di kawasan luar bandar.

Selepas itu terbentuknya Barisan Nasional yang meng-

gantikan Parti Perikatan yang bersifat sebagai sebuah kerajaan perpaduan. Hampir semua parti yang bertanding pada 1969 menyertai BN kecuali DAP dan PAS.

Kesan jangka panjang 13 Mei pula ialah luar bandar semakin maju dan tahap kemiskinan penduduk berkurangan dengan Amanah Saham Nasional dan Bank Bumiputera diperkenalkan. Institusi pendidikan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pelbagai peluang lain juga diwujudkan bagi melahirkan golongan profesional dan cendekiawan tempatan.

Lebih utama, kerajaan juga menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara yang kini dikenali Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) bagi mengatasi masalah perpaduan kaum di negara ini.

